

METODOLOGY PENYELESAIAN MASALAH – MODEL PDCA

FASA PERANCANGAN (PLAN)

Bab 1 : Kenalpasti Masalah

- Pemilihan masalah yang akan dikaji – ditunjukkan data-data lepas terhadap masalah yang telah berlaku dan cukup kritikal untuk diselesaikan.

Bab 2: Definasi dan Latar Belakang Masalah

- Definasi masalah dengan jelas – dibantu dengan gambar, model, Dokumen dan lain-lain.
- Latar belakang – diwarnai dengan Flow chart bagi proses masalah yang dipilih serta data-data berkaitan yang menunjukkan **telah** berlakunya masalah. Contoh :

- **LATAR BELAKANG MASALAH “ PENOLAKAN SAMPEL PESAKIT YANG TINGGI ”**

- Flow Chart proses pengambilan Sampel – untuk menunjukkan amalan yang diamalkan sekarang.
- Data –Data jenis penyakit yang memerlukan sample di ambil
- Data bilangan pesakit yang sample diambil untuk tujuan ujikaji dalam tempoh masa tertentu.
- Data Jenis-jenis Sampel yang diambil dalam tempoh tertentu
- Data – Data bilangan kes sample yang ditolak – ambil purata kes
- Data perbandingan antara sample yang diambil dengan sample yang ditolak dalam tempoh masa tertentu.

Bab 3 : Target Setting

- Setkan target setting bagi masalah yang dipilih - boleh diukur.- dari mana ke mana?,,berapa peratus penurunan atau peningkatan ? dan bila hendak dicapai ?..Justifikasi...?

Bab 4: Analisa Masalah

- Kenalpasti punca yang menyebabkan berlakunya masalah. Gunakan Why-Why teknik.
- Varifikasi punca terakhir dan disertakan Validasi bagi menentukan punca sebenar. Lakukan ujian, kajiselidik atau observation berdasarkan rekod-rekod.

Nota :banyak alat-alat QC tools baru dan lama sepatutnya digunakan di sini sebab kita dikhendaki mengesahkan punca-punca sebenar dengan data yang diperolehi dari berbagai kaedah.

- Huraian ringkas setiap punca sebenar.

Bab 5: Kemukakan Cadangan Penyelesaian.

- Bentukkan Kriteria bagi cadangan yang ingin dikemukakan
- Hasilkan cadangan alternative yang akan menghapuskan punca sebenar dan kaji setiap kebaikan dan kelemahan cadangan.
- Pilih cadangan yang akan dilaksanakan
- Wujudkan Plan bertindak bagi setiap cadangan. Teknik 5W+1H boleh diaplikasi. Sebaiknya untuk **How**..Gunakan Rajah Pokok. ..kerana Rajah Pokok akan menjelaskan setiap langkah dalam setiap cadangan berdasarkan level-level tertentu (sekiranya sampai ke Level 4 – itu yang terbaik dalam Rajah Pokok)

FASA PERLAKSANAAN (DO)

Bab 6: Melaksanakan cadangan

- Laksanakan cadangan dalam bentuk pilot basis terlebih dahulu.
- Sekiranya projek anda berbentuk teknikal sila nyatakan:
 - Prototype ciptaan dan dibandingkan dengan keadaan sebelum projek ICC/KIK
 - Spesifikasi ciptaan dalam bentuk :
 - Ukurannya
 - Bahannya
 - Ketahanannya – di uji dan disahkan.
 - Ciri keselamatan – diuji dan disahkan
 - Demo bagaimana ciptaan berfungsi
 - Tindakan Kotijensi yang ditunjukkan melalui PDPC Chart sekiranya ciptaan tidak berfungsi atau keadaan diluar jangkaan terhadap proses.

- Sekiranya projek berbentuk bukan teknikal sila nyatakan :
 - Borang atau database yang dibuat dibandingkan dengan keadaan sebelum projek ICC/KIK
 - Spesifikasi ciptaan
 - Ciri keselamatan sekiranya database dibentuk
 - Demo bagaimana ia berfungsi
 - Tindakan Kotijensi yang ditunjukkan melalui PDPC Chart sekiranya ciptaan tidak berfungsi atau keadaan diluar jangkaan terhadap proses.
- Nyatakan Masalah yang dihadapi semasa pilot basis dan tindakan pembetulannya
 - Boleh ditunjukkan dengan soalselidik yang dijalankan

FASA PERIKSA (CHECK)

Bab 7: Lakukan Pemeriksaan.

- Kutip data terhadap masalah selepas pelaksanaan.
- Analisa data berkenaan
- Buat Perbandingan Data masalah keadaan sebelum dengan keadaan selepas bagi membuat keputusan samada capai sasaran target setting atau tidak . contoh :
 - Data keseluruhan jumlah sample yang diambil selepas penambahbaikan dalam tempoh masa yang sama dengan data sample diambil sebelum penambahbaikan.
 - Dari data keseluruhan sample diambil , kirakan jumlah Sampel yang ditolak selepas penambahbaikan

Nota: Data masalah dinyatakan dalam bentuk target setting seperti di Bab 3

Keputusan Pengiraan :

Jika YA , berjaya mengurangkan masalah - pergi ke Bab 8
Jika TIDAK , pergi ke Bab 5. – kaji semula cadangan.

FASA PENYERAGAMAN (ACTION)

Bab 8 : Penyeragaman terhadap Cadangan secara meluas

- Pastikan keperluan latihan bagi pelaksanaan sepenuhnya
- Buat pemantauan terhadap cadangan pelaksanaan melalui data-data yang dikutip
- Wujudkan prosedur baru
- Keperluan latihan atau sesi penerangan kepada prosedur baru yang diperkenalkan.
- Pemantauan yang berterusan selepas penyeragam supaya target setting masalah dapat dikekalkan. Data yang dikutip sepatutnya dipersembahkan dalam mesyuarat bulanan.

<http://kmankzk.wordpress.com>